

Kejelasan dan Kekaburan Makna Kosa Kata Arab dalam Mahabbah Karya Shahnon Ahmad

Clarity and Ambiguity of the Meanings of Arabic Words in Mahabbah by Shahnon Ahmad

MOHD SHAHRIZAL NASIR

ABSTRAK

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa satu perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Melayu. Perubahan ini bukan sahaja melibatkan aspek kepercayaan, malah turut meliputi aspek kebudayaan, kesenian, kemasyarakatan, pendidikan dan ekonomi. Pemanfaatan kosa kata Arab dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu merupakan antara perubahan positif yang menjadi penyumbang ke arah perkembangan bahasa Melayu. Namun, pemanfaatan kosa kata bahasa Arab perlu selari dengan konteks ayat bahasa Melayu. Dengan kata lain, pemanfaatan tersebut perlu bersesuaian antara makna asal dalam bahasa Arab dengan makna yang ingin dijelaskan dalam bahasa Melayu mengikut konteks ayat. Bertolak daripada pemahaman ini, makalah ini menganalisis beberapa kosa kata bahasa Arab yang digunakan dalam novel Mahabbah karya Sasterawan Negara Shahnon Ahmad. Selain itu, terdapat kosa kata bahasa Arab yang digunakan merupakan ambilan daripada perkataan yang terdapat dalam al-Qur'an. Hal ini sejajar dengan kandungan novel yang membicarakan nilai-nilai Islam seperti persaudaraan, kasih sayang, permuafakatan dan kemaafan. Tujuan utama analisis ini adalah untuk meneliti ketepatan pemanfaatan kosa kata Arab mengikut konteks ayat dalam novel Mahabbah. Berdasarkan dapatan analisis, terdapat kosa kata Arab yang digunakan dalam novel tidak bertepatan dengan konteks ayat. Di samping itu, penggunaan kosa kata Arab tidak menyumbang kepada pemahaman makna bagi sesuatu ayat. Analisis turut menunjukkan pemanfaatan kosa kata Arab dalam novel Mahabbah tidak memberi penjelasan yang signifikan terhadap jalan cerita Mahabbah, malah pada sesetengah keadaan ia mungkin merumitkan pembaca untuk memahami mesej yang ingin disampaikan.

Kata kunci: Mahabbah; kosa kata Arab; bahasa Arab; makna; karya sastera

ABSTRACT

The arrival of Islam in the Malay world has brought a great change in the life of the Malay community. These changes not only include the faith aspect, but also to the culture, arts, community, education, economy and others. The utilization of Arabic words in Malay vocabulary is one of the positive changes that contribute to the advancement of the Malay language. However, the utilization of Arabic words should be in line with the context of Malay sentences. In other words, the utilization should be compatible between the original meaning of words in Arabic with the meaning to be used in the Malay language according to the context of the sentence. Based on this understanding, this article analyzes some Arabic words used in the literary work of the National Laureate, Shahnon Ahmad entitled Mahabbah. Besides, several Arabic words used in the novel are also among the words found in the Qur'an. This is in line with the content of the novel that deals with Islamic values such as brotherhood, compassion, collaboration, forgiveness and others. The main purpose of this analysis is to identify the accuracy of Arabic words utilization based on the sentence contexts in Mahabbah. Based on the findings from the analysis, there are Arabic words used in the novel that do coincide with the context of the sentences. In addition, the use of Arabic words did not contribute to the understanding of the meaning of the sentence. The analysis also showed that the utilization of Arabic words in Mahabbah does not by significantly explain the storyline in Mahabbah, but in some circumstances it may complicate the reader to understand the message conveyed.

Keywords: Mahabbah; Arabic word; Arabic language; meaning; literary work

PENDAHULUAN

Bahasa Arab dipilih sebagai bahasa yang membawa mesej Islam kepada umatnya. Kitab panduan umat Islam, iaitu al-Qur'an al-Karim menggunakan bahasa Arab, malah sumber kedua dalam Islam, iaitu al-Hadith turut menggunakan bahasa Arab

memandangkan Rasulullah SAW merupakan antara rasul yang dilantik dalam kalangan masyarakat Arab. Hal ini menjadi titik tolak asas bagi menyerlahkan kaitan bahasa Arab dengan Islam. Pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an mempunyai kelebihan tersendiri memandangkan umat Islam terdiri daripada pelbagai lapisan kaum dan bahasa. Antara kelebihan

pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an ialah ia mampu mengajak umat manusia untuk berfikir tentang sesuatu perkara atau hukum yang dinyatakan dalam al-Qur'an.

Firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang mafhumnya: "Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai al-Qur'an yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya" (surah Yusuf 12:2). Berdasarkan ayat ini, dapat difahami bahawa fungsi bahasa Arab amat besar dalam membawa mesej Ilahi kepada umat manusia. Selain itu, ia turut menjelaskan peranan akal dalam memahami inti pati kandungan ayat al-Qur'an yang menggunakan bahasa Arab dengan kelebihan struktur ayat dan maknanya. Perkataan *ta'qilun* pada akhir ayat tersebut yang mempunyai kaitan rapat dengan akal menjelaskan antara sebab pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam Islam bagi dimanfaatkan oleh seluruh umat daripada pelbagai keturunan, etnik dan bahasa. Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman yang mafhumnya:

Dan demikianlah Kami menurunkan al-Qur'an sebagai hukum dalam bahasa Arab. Dan demi sesungguhnya, jika engkau (wahai Muhammad) menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya kepadamu wahyu pengetahuan (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau peroleh daripada Allah sesuatu yang dapat mengawal dan memberi perlindungan kepadamu (daripada perkara-perkara yang tidak diingini) (surah ar-Ra'd, 13:37).

Seperti mana yang diketahui umum, Islam menjadi pegangan hidup bagi majoriti masyarakat Melayu. Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu membawa bersamanya pengaruh masyarakat Arab memandangkan para pendakwah berasal daripada keturunan Arab. Para pendakwah ini merupakan mereka yang mahir dalam bahasa Arab yang merupakan bahasa ibunda mereka. Hal ini disebabkan wahyu Ilahi, iaitu al-Qur'an diturunkan oleh Allah SWT dalam bahasa Arab kepada Rasulullah SAW yang juga berketurunan Arab. Pengaruh yang dibawa oleh para pendakwah ini meliputi segenap aspek cara hidup, termasuk bahasa. Inilah antara sebab utama berlakunya proses pemanfaatan kosa kata Arab dalam bahasa Melayu. Pemanfaatan seperti ini amat membantu masyarakat Melayu dalam proses memahami agama Islam, lalu kosa kata tersebut menjadi sebatik dalam penggunaan seharian dan akhirnya diterima pakai dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Dunia kesusasteraan Melayu turut menerima pengaruh bahasa Arab. Daripada sastera yang hanya tertumpu kepada sastera lisan, ia mula menerima

perubahan dalam bentuk tulisan dengan kewujudan tulisan Jawi selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu yang secara jelas dipengaruhi oleh tulisan Arab (Zuber 1978: 5). Perkataan yang digunakan dalam karya sastera Melayu turut mengalami perubahan dengan kemunculan istilah-istilah bahasa Arab yang secara khusus mempunyai kaitan dengan Islam dan nilai-nilai murni dalam Islam. Situasi inilah yang akhirnya mencetuskan fenomena Sastera Islam dalam dunia kesusasteraan Melayu. Menurut Ungku Maimunah (1989), fenomena ini mula kelihatan sekitar tahun 1970-an yang mempunyai kaitan rapat dengan gerakan dakwah di Malaysia.

Fenomena ini membuatkan ramai kalangan penggiat sastera bersaing antara satu sama lain bagi memperhebatkan penghasilan karya kreatif yang bertunjangkan Sastera Islam. Tidak kurang bagi mereka yang ingin melibatkan diri dalam ruang fenomena ini, lalu memasukkan unsur-unsur Islam dalam karya masing-masing. Hasilnya, keIslaman karya diperagakan dengan penggunaan ayat-ayat al-Qur'an, nama-nama pejuang Islam yang terpahat dalam lipatan sejarah Islam, penggunaan istilah-istilah Arab seperti *muqaddimah*, *kamil*, *shumul*, *wasatiyyah*, *khatimah*, *natijah*, *batil* dan penggunaan kaligrafi pada kulit-kulit buku. Namun, sebenarnya keadaan-keadaan ini hanya tertumpu pada aspek permukaan dan tidak bertunjangkan sesuatu yang lebih bersifat konkrit tentang Sastera Islam.

HUBUNGAN ANTARA BAHASA ARAB DAN MELAYU

Seperti mana yang dijelaskan dalam bahagian pendahuluan, sejarah perkembangan bahasa Arab di Malaysia telah mula terpahat di Alam Melayu sejak kurun pertama Hijrah, iaitu selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam (Fatimi 1963: 99). Selari dengan proses penyebaran agama Islam di Alam Melayu oleh para pedagang Arab dan Parsi, banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu meliputi aspek kepercayaan, politik, pendidikan, kebudayaan dan kemasyarakatan.

Perubahan ini turut melibatkan proses pembelajaran bahasa Arab. Bahasa Arab telah berkembang secara aktif sebagai bahasa kepada agama Islam. Ia merupakan bahasa untuk memahami Islam dan menunaikan ibadah (Rosni 2009: 1). Selain itu, pengaruh bahasa Arab telah mampu memartabatkan bahasa Melayu sehingga mencapai status bahasa ilmu (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri 2012: 2). Antara

contoh paling jelas bagi membuktikan pengaruh besar bahasa Arab dalam bahasa Melayu ialah peminjaman kosa kata Arab yang seterusnya diterima pakai dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Pemanfaatan kosa kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu tidak tertumpu pada bidang agama sahaja, malah ia mencakupi pelbagai bidang. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan sifat bahasa Arab yang universal, dan ia turut membantu proses pengantarabangsaan bahasa Melayu, serta mengembalikan statusnya sebagai *lingua franca*. Antara bidang yang terlibat dalam pemanfaatan kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu ialah:

1. Agama: baligh, doa, hadis, haji, imam, kiblat, mufti, munafik, murtad, nabi, rasul, zakat, tarekat, tasawuf, tauhid, umrah, wali, ajal, bilal, fardu, fikah, hidayah, iktikad, makmum, masjid, sujud, tahlil, zikir.
2. Ilmu: ahli, ayat, falak, fasal, falsafah, hikayat, hisab, ilmu, jawab, kalam, kamus, khatam, kitab, makrifat, riwayat, sejarah, soal, takwim, tarikh, ulama, arif, jahil, loghat, jumlah, madrasah, nahu.
3. Hukum: adil, batal, fatwa, halal, haram, hakim, hukum, kadi, mahkamah, makruh, mansuh, sah, tertib, wajib, wakaf, wakil, wilayah, zalim, qada, usul, tafsir, kaedah, wazir, amir, sultan, ijtihad, khalifah.
4. Adat: akad, fakir, fitnah, hormat, kafilah, karib, kaum, kerabat, maaf, maruah, musafir, nasab, nikah, salam, sedekah, tahniah, takziah, umat, waris, ziarah, adat, azimat, darjat, ghaib, maulud, mastautin.
5. Kejadian dan Perbuatan: alam, dunia, haiwan, insan, jasad, nur, roh, wajah, wujud, nahas, wabak, sahur, kuat, kubah, lazat, salji, sifat.
6. Perasaan dan Fikiran: aman, faham, fikir, hajat, ikhlas, ilham, insaf, kalbu, khuatir, maksud, mustahil, nafsu, nasihat, niat, yakin, ajaib, asyik, bahas, dahsyat, hawa, takjub, muhibah, nasib, syak, waham, musykil.

Semua contoh di atas memberi petunjuk bahawa pemanfaatan bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak hanya melibatkan perkara-perkara berkaitan agama, tetapi mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Jika dilihat secara lebih luas, pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak hanya tertumpu pada aspek kosa kata, malah turut melibatkan aspek sebutan dan tulisan. Pengaruh bahasa Arab dan Islam itu sendiri telah memberi kesan yang besar kepada sebutan perkataan dalam bahasa Melayu. Hal ini sedikit sebanyak didorong melalui

amalan membaca al-Qur'an yang merupakan satu kemestian bagi masyarakat Islam, tambahan pula ia dikira sebagai satu ibadah.

Namun, perlu menjadi ingatan bahawa tidak semua kosa kata bahasa Arab yang diterima pakai dalam bahasa Melayu membawa konotasi makna yang sama. Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu, perkataan 'fitnah' ditakrifkan sebagai satu bentuk tuduhan yang diada-adakan untuk tujuan memburukkan seseorang (Noresah 2010: 412). Manakala dalam bahasa Arab, perkataan 'fitnah' membawa pengertian cubaan dan ujian (Ibn Manzur 2003 7:18). Dari sini dapat dilihat perbezaan yang ketara antara makna 'fitnah' dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab. Fitnah dalam bahasa Melayu secara jelas merujuk kepada satu perkara yang negatif, sebaliknya dalam bahasa Arab, ia merujuk kepada situasi atau keadaan yang dihadapi oleh insan, sama ada kesan akhirnya boleh membawa kepada kebaikan atau keburukan.

Manakala dalam al-Qur'an, perkataan 'fitnah' membawa beberapa konotasi makna seperti 'pembunuhan' (surah al-Nisa', 4:101), 'azab' (surah al-Ankabut 29:10), 'gila' (surah al-Qalam 68:6), dan 'syirik' (surah al-Baqarah 2:191). Hal ini memberi petunjuk jelas bahawa sesuatu perkataan itu mampu memberikan makna yang pelbagai menurut konteks penggunaannya dalam ayat. Pemahaman makna perkataan secara harfiah tanpa melihat konteks ayat akan menyebabkan kesalahan dan kekhilafan berlaku dalam memahami makna sebenar perkataan tersebut.

Dalam konteks penggunaan perkataan 'fitnah' misalnya, ramai dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam termasuk sesetengah golongan agamawan yang apabila membicarakan soal fitnah, mereka menggunakan dalil ayat 191 daripada surah al-Baqarah yang menyatakan dosa bagi orang yang mencipta dan menyebarkan fitnah lebih berat daripada dosa membunuh. Perkara ini dilihat sebagai tidak tepat kerana ayat tersebut membicarakan dosa fitnah yang dirujuk sebagai perbuatan menyekutukan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an, yang mafhumnya:

Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan golongan yang memerangi kamu, dan janganlah kamu mencero boh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada golongan yang mencero boh. Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usirilah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu; dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah (syirik) itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar masjid al-Haram

sehingga mereka memerangi kamu di situ. Oleh itu, kalau mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi golongan yang kafir (surah al-Baqarah, 2:191-192).

Dari aspek penulisan pula, bahasa Arab telah menyumbang kepada kelahiran tulisan Jawi yang telah diguna pakai dalam kehidupan masyarakat Melayu satu ketika dahulu sebelum sistem pendidikan Malaysia mengubah penggunaan tulisan Jawi kepada tulisan Rumi. Para sejarawan menyatakan masyarakat Melayu telah menggunakan tulisan Jawi sejak kurun ketujuh Masihi seperti mana yang dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat di Terengganu (Ismail 1986: 34). Selain itu, faktor kesesuaian tulisan Arab dengan ejaan perkataan dalam bahasa Melayu berbanding tulisan Hindu lama menyebabkan tulisan Jawi menjadi pilihan masyarakat Melayu (Asmah 1992: 153). Tidak dapat dinafikan penggunaan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan dan sosial masyarakat Melayu satu ketika dahulu amat membantu mereka dalam membaca al-Qur'an.

Secara umumnya, kemasukan pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu membawa faedah yang besar kepada masyarakat Melayu. Hal ini bukan membawa pengertian bahawa bahasa Melayu bersifat lemah kerana bergantung kepada bahasa lain, sebaliknya ia menunjukkan bahasa Melayu ialah sebuah bahasa yang 'hidup' sehingga mampu menerima proses perkembangan khazanah perbendaharaan kata daripada bahasa lain. Apatah lagi sifat bahasa Arab yang amat signifikan dengan Islam, yang merupakan pegangan hidup majoriti masyarakat Melayu di Nusantara. Pemanfaatan sejumlah besar kosa kata Arab dalam bahasa Melayu menunjukkan bahasa Arab mempunyai kaitan amat rapat dengan sejarah dan tamadun masyarakat Melayu.

ANALISIS KOSA KATA ARAB DALAM MAHABBAH

Meskipun pemanfaatan kosa kata Arab dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dilihat sebagai satu fenomena yang positif bagi tujuan memperkayakan bahasa Melayu. Pemanfaatan tersebut mesti mempunyai fungsi yang signifikan serta tidak menjejaskan ketepatan makna asal sesuatu perkataan dalam bahasa Arab dan perlu ada kesesuaian dalam konteks ayat bahasa Melayu. Perkara ini perlu diperhalusi agar tidak timbul istilah 'bahasa rojak' bagi bahasa Melayu. Menurut Awang (2005), bahasa rojak merupakan satu bentuk keracunan bahasa dalam bidang linguistik atau ilmu bahasa. Awang (2004)

turut menjelaskan bahasa rojak merupakan satu fenomena bahasa yang tidak keruan, percampurannya tidak teratur dan tidak sistematik.

Justeru, bagi mengelakkan berlakunya fenomena bahasa rojak secara berterusan dalam bahasa Melayu yang melibatkan kosa kata Arab, makalah ini akan mengkaji penggunaan kosa kata Arab dalam novel *Mahabbah* karya Sasterawan Negara Shahnun Ahmad. Novel ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2007. Pada tahun 2011, novel ini telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan diterbitkan oleh Institut Buku dan Terjemahan Negara (ITBM). Novel ini merupakan pemenang ketiga bagi Sayembara Mengarang Sempena Perayaan Jubli Emas DBP, selain telah memenangi hadiah dalam Sayembara Penulisan Novel Kemerdekaan 50 Tahun.

Novel *Mahabbah* menyingkap sebuah cerita yang tertumpu pada perjalanan minda seorang lelaki tua bernama Endar yang mengalami serangan penyakit *Myasthenia Gravis*. Akibat daripada serangan penyakit ini, anggota tubuh badannya menjadi lumpuh dan hanya terlantar di perbaringan. Namun, Endar masih berupaya menggerakkan mindanya bagi memikir dan menyelesaikan dua persoalan utama yang diketengahkan dalam cerita ini. Persoalan utama itu mengenai bangsanya yang berpecah dan bertelagah yang diwakili oleh sikap kedua orang anaknya yang tidak sehaluan. Manakala persoalan kedua berkaitan dirinya sendiri yang telah bersedia untuk meninggalkan alam fana dan berpindah ke alam *barzakh*. Keinginan Endar untuk meninggal dunia dalam keadaan *husn al-khatimah* menyebabkan fikirannya sentiasa berada dalam kecelaruan dengan dibayangi peristiwa-peristiwa masa lalu dan masa depan yang hadir daripada bisikan syaitan dan iblis sebagai antara penghalang utama perjalanannya mencapai *husn al-khatimah*.

Novel *Mahabbah* serta kandungannya membawa beberapa pengertian dan nilai murni seperti kasih sayang, kasihan belas, kemaafan, keakraban persahabatan, jalinan ukhuwwah, hubungan kekeluargaan, keteguhan patriotisme, solidariti kebangsaan dan keutuhan akidah Islamiah. Oleh kerana novel ini membicarakan soal kematian dengan hasrat watak utamanya ingin mencapai *husn al-khatimah*, terdapat banyak istilah Arab berkaitan agama yang dimuatkan dalam novel ini. Keadaan ini menyerlahkan keinginan novelis untuk mengetengahkan mesej Islam dalam novelnya. Selain itu, ia juga mengesahkan hasrat novelis untuk menjadikan novel ini sebagai satu daripada karya Islami. Hal ini diperkukuhkan dengan pemanfaatan

ayat al-Qur'an dan hadith yang diletakkan pada halaman pertama novel *Mahabbah*.

Novel *Mahabbah* dimulakan dengan mafhum firman Allah SWT dalam al-Qur'an: "Sesungguhnya orang Mukmin adalah bersaudara; kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah SWT supaya kamu mendapat rahmat" (surah al-Hujurat, 49:10). Manakala sabda Rasulullah yang dimuatkan pada permulaan novel *Mahabbah* bermafhum: "Barang siapa melihat kemungkaran hendaklah dia mencegah dengan tangannya. Jika dia tidak ada kuasa hendak mencegah dengan tangannya, hendaklah dia mencegah dengan lidahnya. Dan sekiranya juga dia tidak ada kuasa dengan lidahnya, hendaklah dia mencegah dengan hatinya. Dan yang demikian ini adalah selemah-lemah iman" (riwayat Imam Muslim).

Dalam novel *Mahabbah*, terdapat 62 patah perkataan atau istilah Arab yang belum diterima pakai dalam bahasa Melayu secara rasmi. Semua perkataan ini dimuatkan dalam novel *Mahabbah* dengan tulisan *italic* (condong). Bagi tujuan analisis perkataan bahasa Arab yang digunakan dalam novel *Mahabbah*, hanya beberapa perkataan akan dibincangkan dalam bahagian ini. Antara perkataan tersebut ialah:

YASTABSHIR

Dan, ini mencakupi julukan-julukan atas sebutan berbagai wajah pula: Kegagalan, kekecewaan, keputusasaan, *darurah*, ujian, *'uruf*, tuah dan celaka, bahagia dan sengsara, sedih pilu dan rawan hiba, *istihzak*, *istiqamah*, *sakinah*, *ghobra*, *yastabshir*, duka nestapa, dan sebagainya sehingga tidak ada penamatannya dalam perjalanan yang jauh itu, selain keabadian yang dijanjikan-Nya kelak apabila tiba pada detik keabadian yang tidak dapat tidak pasti tiba (Shahnon 2007: 3).

Dalam bahasa Arab, perkataan *yastabshir* termasuk dalam kategori kata kerja (*fi'l al-mudari'*). Dalam *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, perkataan ini membawa maksud perbuatan gembira atau bergembira atau berseronok (hlm. 156). Meskipun makna perkataan *yastabshir* dilihat sesuai dalam konteks ayat tersebut, namun perkataan *yastabshir* yang merupakan kata kerja dalam bahasa Arab tidak wajar untuk disenaraikan bersama kategori kata nama yang terdapat pada ayat.

Perkataan *yastabshir* juga terdapat dalam al-Qur'an, iaitu pada ayat 171 daripada surah Al 'Imran. Dalam ilmu tatabahasa Arab, pengelasan perkataan amat dititikberatkan kerana jika ia diletakkan dalam

keadaan bercampur dengan kategori yang berbeza, ia akan mempengaruhi laras bahasa sesuatu ayat. Perkataan *farh* yang bermaksud kegembiraan merupakan antara perkataan yang lebih sesuai diletakkan dalam ayat tersebut.

AFLAHA

Dan, antara titik mula dengan akhiran di muara itulah sebenarnya mujahadahnya membara siang dan malam, turun-temurun, zaman-berzaman, menempuh segala bala bencana, mencipta pula saluran-saluran baru, ujian yang serba satu serta detik-detik yang mampu mencetuskan *yastabshir*, *sulhu*, *as-salaam*, dan *aflaha* (Shahnon 2007: 8).

Dalam bahasa Arab, perkataan *aflaha* termasuk dalam kategori *al-fi'l al-madi* (kata kerja yang telah dilakukan). Dalam *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, perkataan ini membawa maksud berjaya (hlm. 949). Sama seperti perkataan *yastabshir*, penggunaan perkataan *aflaha* dalam ayat ini tidak menepati konteks ayat.

Perkataan *aflaha* termasuk dalam kategori kata kerja dalam bahasa Arab dan ia tidak wajar untuk disenaraikan bersama kategori kata nama yang terdapat pada ayat. Perkataan *aflaha* juga terdapat dalam al-Qur'an, iaitu pada ayat 1 daripada surah al-Mu'minun. Perkataan *al-falah* yang bermaksud kejayaan merupakan antara perkataan yang lebih sesuai diletakkan dalam ayat tersebut.

MUQALLID

Sesiapa boleh berikrar dan beriktikad dengan hujah naqli, dan akal; bukan hanya bermuqallid kerana memang Dia ialah perbendaharaan yang tersembunyi dan ghaib selama ini (Shahnon 2007: 12).

Penggunaan perkataan *muqallid* dalam ayat ini amat canggung. Dalam bahasa Arab, perkataan *muqallid* merujuk kepada pelaku sesuatu kata kerja atau disebut *fa'il*. Ia bukan dalam kategori kata kerja sehingga boleh ditambah dengan imbuhan 'ber'. Perkataan *muqallid* bermaksud individu yang menjadi pengikut sesuatu tanpa penelitian dan hujah sendiri yang kukuh (hlm. 1003). Justeru, penggunaan perkataan *muqallid* dalam ayat tersebut tidak tepat, manakala penggunaan yang tepat ialah *bertaqlid*.

AHSAN TAQWIM

Terhenti separuh perjalanannya dengan *su'ul al-khatimah* penuh kehinaan, bertakahkan saf-saf *asfala*

al-safilin; bukan tamat dengan *husn al-khatimah* bertakahkan *ahsan taqwim* (Shahnnon 2007: 42).

Dalam ayat ini, novelis cuba membuat perbandingan antara dua keadaan, iaitu golongan yang memperoleh pengakhiran hidup yang buruk, iaitu *su' al-khatimah*. Manakala golongan kedua yang memperoleh pengakhiran hidup yang baik, iaitu *husn al-khatimah*. Bagi menjelaskan kedua-dua golongan ini, novelis memberi sedikit perincian, iaitu bagi mereka yang menerima *su' al-khatimah*, lantas mereka digambarkan sebagai golongan yang bakal tinggal dalam tingkatan paling bawah dalam neraka atau disebut sebagai *asfala al-safilin*.

Manakala bagi golongan yang menerima *husn al-khatimah*, mereka dikenali sebagai golongan yang terbaik penciptaannya atau *ahsan taqwim*. Dalam hal ini, novelis telah menggunakan istilah *ahsan taqwim* dengan makna yang salah pada konteks ayat tersebut. Istilah *ahsan taqwim* merujuk kepada semua manusia yang diciptakan oleh Allah SWT dengan penciptaan yang paling baik berbanding dengan penciptaan makhluk-makhluk lain. Ini bermakna, semua manusia dicipta oleh Allah SWT dalam keadaan *ahsan taqwim*, iaitu sebelum mereka layak dinilai dosa dan pahala atas setiap perbuatan yang dilakukan. Novelis dalam konteks ayat mengarah kepada pemahaman makna bahawa manusia yang baik akan mendapat ganjaran *husn al-khatimah*.

Namun hal ini tidak mempunyai kaitan secara dekat dengan istilah *ahsan taqwim*. Dalam al-Qur'an, Allah SWT menggunakan istilah ini menerusi firman-Nya, yang mafhumnya: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (*ahsan taqwim*)" (surah at-Tin, 95:4).

QULHU

Dan, apabila tiba musim walimatulurus, mereka sama melapah kerbau, lembu dan apabila tibanya kematian di mana-mana, tidak kira siapa dan daripada saf mana, mereka sama-sama pula bertahlil dan ber*qulhu* (hlm. 83).

Umum mengetahui bahawa perkataan *qulhu* diambil daripada permulaan tiga surah dalam al-Qur'an, iaitu surah al-Ikhlās, al-Falaq dan an-Nas. Ketiga-tiga surah ini merupakan antara bacaan yang sering dibaca semasa majlis bacaan doa selamat dan tahlil dalam masyarakat Melayu. Justeru, terdapat sebahagian masyarakat Melayu di beberapa tempat menggunakan istilah *qulhu* bagi merujuk kepada majlis berbentuk keagamaan seperti bacaan doa selamat dan tahlil. Berdasarkan ayat ini, novelis telah menggunakan istilah ber*qulhu* bagi merujuk

kepada penggunaan yang lazimnya digunakan oleh masyarakat Melayu.

Namun, istilah ini bukan merupakan istilah yang diiktiraf oleh DBP. Meskipun perkataan ini berasal daripada bahasa Arab, namun masyarakat Arab tidak menggunakan istilah ini dengan makna seperti mana yang diguna pakai oleh masyarakat Melayu. Justeru, perkataan ber*qulhu* tidak dikira sebagai satu daripada perkataan bahasa Arab yang dimanfaatkan dalam bahasa Melayu. Ia hanya satu istilah yang dicipta oleh sebahagian masyarakat Melayu bagi membawa maksud seperti mana yang dijelaskan.

Dalam hal ini, novelis dilihat telah mencampuradukkan penggunaan perkataan bahasa Melayu, bahasa Arab dan perkataan yang tidak termasuk dalam kategori perkataan, sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab.

IQTARABA

Inilah permohonannya setiap kali dia ber*bashirah*, setiap kali dia terasa didekati *iqtaraba*. Yang lain diserahkan seluruhnya kepada-Nya (Shahnnon 2007: 202).

Perkataan *iqtaraba* merupakan perkataan yang termasuk dalam kategori kata kerja (*al-fi'l al-madi*). Dalam *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, perkataan ini membawa maksud telah hampir (hlm. 976). Berdasarkan makna ini, kelihatan sesuatu yang amat janggal apabila novelis menggunakan perkataan *iqtaraba* dalam ayat tersebut. Ia sama sekali tidak membawa makna yang signifikan dalam konteks ayat. Malah penggunaan perkataan *iqtaraba* dilihat bertindih dengan fungsi makna perkataan 'didekati' dalam ayat tersebut.

Dalam al-Qur'an, perkataan *iqtaraba* digunakan dalam beberapa ayat, antaranya firman Allah SWT yang mafhumnya: "Telah hampir (*iqtaraba*) datangnya kepada manusia hari perhitungan amalnya, sedang mereka dalam kelalaian, tidak hiraukan persediaan baginya" (surah al-Anbiya', 21:1).

Berdasarkan enam contoh analisis bagi perkataan atau istilah bahasa Arab yang terdapat dalam novel *Mahabbah*, terdapat beberapa kekeliruan dan kesalahan dalam penggunaan istilah yang diambil secara terus daripada bahasa Arab. Perkara ini perlu diperhalusi dan dibincangkan dengan lebih lanjut oleh pakar dalam bidang bahasa Arab dan bahasa Melayu kerana sekiranya kecelaruan ini disahkan berlaku, adalah wajar sekiranya dikatakan terdapat fenomena bahasa rojak dalam novel *Mahabbah*.

Sebenarnya penggunaan perkataan Arab amat banyak digunakan dalam novel *Mahabbah*, meskipun

novelis tidak menulisnya dengan tulisan *italic* (condong).

Selain itu, kebanyakan perkataan Arab yang digunakan dalam novel *Mahabbah* dijangkakan sukar untuk difahami oleh orang awam kerana ia melibatkan istilah al-Qur'an dan agama. Antara perkataan atau istilah tersebut ialah *al-hutamah* (Shahnon 2007: 2), *'illiyyun* (Shahnon 2007: 2, 4, 11, 12, 17), *sijjin* (Shahnon 2007: 2, 5, 12), *istihzak* (Shahnon 2007: 3), *mashaqqah* (Shahnon 2007: 4), *ghibah* (Shahnon 2007: 4), *hayah tayyibah* (Shahnon 2007: 9), *raja'* (Shahnon 2007: 15, 16, 151), *shaja'ah* (Shahnon 2007: 16, 98, 151, 211), *tawazun* (Shahnon 2007: 24, 27, 55, 312), *istidraj* (Shahnon 2007: 53), *tahalli* (Shahnon 2007: 53), *shawq* (Shahnon 2007: 211) dan *tartil* (Shahnon 2007: 251). Perkataan-perkataan seperti ini memerlukan bantuan kamus dan kitab tafsir untuk difahami maknanya secara literal, kemudian dilihat kesesuaiannya dengan konteks ayat, sebelum pembaca memahami makna sebenar perkataan tersebut.

Novelis juga dilihat sekadar menyenaraikan perkataan-perkataan Arab dalam sesuatu ayat tanpa sebarang penjelasan lanjut. Senarai itu pula tidak dikelaskan mengikut kategori tertentu seperti perkataan yang membawa konotasi makna positif dan konotasi makna negatif, sebaliknya dirangkumkan keduanya. Keadaan ini dilihat hanya sebagai satu permainan perkataan dan istilah tanpa perkataan-perkataan tersebut membawa pemahaman tertentu dalam sesuatu ayat. Sebagai contoh pada ayat berikut:

Dan, ini mencakupi julukan-julukan atas sebutan berbagai wajah pula: Kegagalan, kekecewaan, keputusasaan, *darurah*, ujian, *'uruf*, tuah dan celaka, bahagia dan sengsara, sedih pilu dan rawan hiba, *istihzak*, *istiqamah*, *sakinah*, *ghabra*, *yastabshir*, duka nestapa, dan sebagainya sehingga tidak ada penamatannya dalam perjalanan yang jauh itu, selain keabadian yang dijanjikan-Nya kelak apabila tiba pada detik keabadian yang tidak dapat tidak pasti tiba (Shahnon 2007: 3).

Ini pun termasuk sifat-sifat *qanaah*, *hubbuddunya*, merongrong ketenangan, hasad dengki, kesementaraan, *laghwun*, *mashaqqah*, ketawa dan tangisan, *fahishah*, *ghibah*, anak-anak, harta benda, dan segala sorak-sorai dan kegemerengingan duniawi (Shahnon 2007: 4).

Selain itu, penggunaan perkataan dan istilah bahasa Arab yang diambil daripada al-Qur'an secara langsung perlu dilihat dan dinilai secara terperinci lebih-lebih lagi bagi perkataan yang mengubah makna asal sepertimana yang dimaksudkan oleh al-

Qur'an. Semua perkara ini mengundang keperluan untuk novel *Mahabbah* dibincang dan dibahas oleh ahli bahasa dan ahli agama agar ia tidak membawa kepada pemahaman yang salah terhadap agama Islam, khususnya yang melibatkan *al-mawt* atau kematian.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas jelas menunjukkan penggunaan perbendaharaan kata bahasa Arab dalam novel *Mahabbah* mempunyai kaitan dengan hasrat novelis yang ingin menghuraikan persoalan berkenaan dengan hakikat kematian dan ukhuwwah persaudaraan dalam ruang lingkup Islam. Dapat ditemui secara jelas bahawa terjemahan ayat al-Qur'an, matan hadith, nama para rasul, perkataan-perkataan yang terdapat dalam al-Qur'an telah dimanfaatkan oleh novelis sebagai *identity marker* yang cukup ampuh bagi mendukung mesej yang ingin disampaikan.

Pemanfaatan perbendaharaan kata Arab yang banyak dalam novel *Mahabbah* menimbulkan pelbagai tanda tanya tentang tujuan novelis berbuat demikian. Pemanfaatan bahasa Arab dalam penulisan bahasa Melayu secara tanpa kawalan dan tanpa signifikan yang wajar hanya akan terus mencetuskan fenomena bahasa rojak dalam bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat perbendaharaan kata atau istilah Arab yang dimuatkan dalam novel tidak bersesuaian dalam konteks ayat, malah pemilihan kosa kata Arab dilihat tidak meraikan kategori *kalimah* (perkataan) dalam bahasa Arab. Analisis turut menunjukkan pemanfaatan perbendaharaan kata Arab dalam novel *Mahabbah* tidak memberi penjelasan yang signifikan terhadap jalan cerita *Mahabbah*, malah pada sesetengah keadaan ia merumitkan pembaca untuk memahami mesej yang ingin disampaikan.

RUJUKAN

- Asmah Omar. 1992. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2004. *Sekitar Isu Bahasa Rojak: Punca, Kesan dan Kaedah Menangani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2005. *Hakikat Bahasa dan Realisasi Fungsinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Fatimi, S. Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute LTD.

- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram ibn 'Ali ibn Ahmad. 2003. *Lisan al-'Arab*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ismail Hussein. 1986. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jama'at min Kibar al-Lughawiyin al-'Arab. 1999. *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. t.tp.: al-Munazzamah al-'Arabiyyah li at-Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum.
- Kamus Dewan*. Edisi 4. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. 2012. Pemanfaatan Kosa Kata Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Perbandingan dari Sudut Semantik. Kertas kerja International Conference on Social Sciences and Humanities, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 12-13 Disember.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Shahnon Ahmad. 2007. *Mahabbah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1989. The notion of dakwah and its perceptions in Malaysia's Islamic literature of the 1970s and '80s. *Journal of Southeast Asian Studies* 20(2): 288-297.
- Zuber Osman. 1978. *Kesusasteraan Lama Indonesia*. t.tp.: Abbas Bandung.
- Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
MALAYSIA
mohdshahrizal@unisza.edu.my